

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro

TARIKH : Isnin, 25 Mac 2019

M/S : 50

Tarikh tutup pertandingan Video Kreatif u-Pustaka dilanjutkan sehingga 31 Mac ini.

Pengarah Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Nor O'baidah Abidin, berkata tarikh itu dilanjutkan bagi memenuhi permintaan daripada peserta.

"Penangguhan pertandingan video pendek ini atas permintaan orang awam kerana mereka berpendapat tempoh menyertai pertandingan itu terlalu singkat.

"Oleh yang demikian, mereka mencadangkan tarikh tutupnya dilanjutkan bagi memberi peluang lebih ramai peserta menghasilkan video pendek yang kreatif," katanya.

Pertandingan

bertemakan Utamakan Pengetahuan, Ingatlah u-Pustaka sehingga kini menerima 46 penyertaan. Pertandingan video kreatif itu menawarkan hadiah

keseluruhan berjumlah RM10,000. Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh ke laman sesawang u-Pustaka di www.u-pustaka.gov.my.

TARIKH TUTUP PERTANDINGAN VIDEO KREATIF DILANJUT



PELAJAR yang mengunjungi Perpustakaan Negara bergambar bersama poster Pertandingan Video Kreatif u-Pustaka yang dilanjutkan tarikh tutup.